

08/03/1997

Saham DRB-Hicom dijangka tidak terjejas

Azizi Othman

PERUBAHAN pucuk pimpinan dalam kumpulan DRB-Hicom dijangka tidak menjejaskan prestasi saham sembilan syarikat awam anggota kumpulan itu yang akan diurus niagakan semula di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), Isnin ini.

Kalangan penganalisis dan tokoh bank saudagar yang dihubungi di Kuala Lumpur, semalam berkata, jika sekalipun berlaku kegiatan penjualan dalam kaunter kumpulan DRB-Hicom, ia akan bersifat sementara.

Sembilan syarikat anggota kumpulan DRB-Hicom yang kini diterajui Datuk Mohd Saleh Sulong di BSKL ialah Hicom Holdings Bhd; Perusahaan Otomobil Nasional Bhd; Diversified Resources Bhd; dan Gadek (Malaysia) Bhd.

Lima lagi ialah Gadek Capital Bhd; Golden Pharos Bhd; Eastern and Pacific Industrial Corporation Bhd; Kedah Cement Holdings Bhd dan Edaran Otomobil Nasional Bhd.

Pengarah Urusan Commerce International Merchant Bankers Bhd (CIMB), Robert Cheim, berkata pelabur tidak sepatutnya bimbang dengan prestasi saham syarikat kumpulan DRB-Hicom kerana semuanya masih seperti biasa.

Menurutnya, memang ramai menjangka kemungkinan berlaku penjualan sebaik sahaja kaunter itu diperdagangkan semula, tetapi ia dijangka hanya membabitkan pelabur runcit dan bukannya institusi.

"Oleh itu, jika pelabur runcit menjual, ia akan dibeli oleh pelabur institusi," katanya ketika diminta mengulas jangkaan prestasi saham dalam kumpulan DRB-Hicom apabila diniagakan semula, Isnin ini.

Beliau berkata, memang ada pelabur yang membuat pegangan berdasarkan reputasi tokoh korporat tertentu tetapi di BSKL kini, ramai pelabur sudah matang dan lebih menitikberatkan asas pasaran.

Sementara itu, Ketua Penyelidikan Inter-Pacific Securities Sdn Bhd, Ooi Soon Beng, berkata pihaknya tidak menjangka berlaku perubahan mendadak terhadap prestasi harga saham kumpulan DRB-Hicom, apabila disenaraikan semula.

Menurutnya, ini kerana kebanyakan pengurus dana sudah menjangka Mohd Saleh akan menerajui Kumpulan DRB-Hicom yang baru bagi memastikan kesinambungan perkembangan syarikat.

"Selain itu, beliau juga sebenarnya memang sudah terbabit secara langsung menerajui DRB-Hicom bersama (Allahyarham) kerana kumpulan itu sudah terlalu besar untuk dipimpin oleh hanya seorang.

Penganalisis Kanan South Johor Securities Sdn Bhd, Victor Wan, berkata dengan pelantikan Mohd Saleh, semua pihak mendapat jaminan kumpulan DRB-Hicom akan terus dipimpin dengan pendekatan yang diperkenalkan Allahyarham Yahaya.

Beliau berkata, mungkin berlaku penjualan dalam saham syarikat kumpulan DRB-Hicom itu tetapi ia tidak akan lama kerana ramai pengurus dana akan mula membeli saham seperti EON dan Proton jika harganya jatuh.

Seorang lagi penganalisis berkata, penjualan oleh pelabur runcit itu mungkin memberi kesan terhadap keseluruhan sentimen pasaran pada Isnin tetapi ia juga mencetuskan kegiatan mencari untung dan membeli saham murah.

Kelmarin, DRB-Hicom mengumumkan pelantikan Mohd Saleh yang sebelum ini Pengarah Urusan Kumpulan itu, sebagai Pengerusi bagi menggantikan Allahyarham Yahaya.

Mohd Saleh kini ialah Pengerusi Proton dan EON. Perkara itu sudah direstui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang turut

mencadangkan pelantikannya sebagai Pengerusi yang juga Presiden Hicom Holdings.

Dengan pelantikan Mohd Saleh sebagai Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom itu, beliau akan turut mempengerusikan empat lagi syarikat iaitu Kedah Cement, DRB, Gadek (Malaysia) dan Gadek Capital.

Dua lagi syarikat anggota kumpulan itu yang diniagakan di BSKL ialah Golden Pharos dan Eastern Pacific Industries. Saham semua syarikat itu akan mula disebut harga semula di BSKL Isnin ini.

(END)